

**TEKS UCAPAN  
PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR TAHUN 2011  
PADA HARI SELASA, 25 JANUARI 2011, PUKUL 10:30 PAGI  
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI  
UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis;

Rakan-rakan saya:

Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Profesor Dr. Yuserrie Zainudin,

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Samsudin Baharin,

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Pendaftar;

Bendahari

Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat

Tanggungjawab;

Saudara Mohd Aedlan Nur Ahmad,

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar

dan Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar;

Pemimpin-pemimpin pelajar;

Warga kerja dan mahasiswa;

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka warga UMP dapat berhimpun di sini pada pagi yang permai ini. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di majlis ini.
2. Kita juga bersyukur kerana perhimpunan keluarga besar UMP pada pagi ini dapat dilangsungkan dalam suasana yang tenteram dan teratur berkat nikmat kesejahteraan yang dikecapi sebagai warga Malaysia menjelang tahun baru 2011.
3. Masih belum terlewat kiranya bagi saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2011 kepada seluruh warga UMP. Tahun 2010 yang telah kita lalui kini tinggal sejarah. Warna-warni peristiwa sepanjang tahun 2010 telah mencorak perkembangan Universiti ini yang genap sembilan tahun usianya pada 16 Februari 2011 yang akan datang.

4. Terdapat sepotong pepatah Arab yang berbunyi: ***“Beruntunglah orang yang hari ini lebih baik dari semalam, rugilah orang yang sama keadaannya hari ini dengan semalam dan celakalah orang yang hari ini lebih teruk dari semalam”***.
  
5. Justeru, pada tahun 2011 ini, adalah penting untuk kita memperbaharui tekad dan azam kita sebagai seorang individu, dan warga UMP. Pastiya sebagai seorang individu, kita mahu tahun 2011 menjadi tahun yang lebih baik buat kita. Sebagai warga Universiti ini, kita mengharapkan UMP terus melangkah maju sepanjang tahun 2011 dengan dipacu transformasi yang dinadikan kecemerlangan.
  
6. Bertitik-tolak atas kesedaran yang didorong kecaknaan terhadap hala tuju dan masa depan UMP dalam dekad akhir sebelum tahun 2020, maka amanat saya pada pagi ini akan menggariskan realiti semasa yang kita hadapi dan strategi yang telah direncana bersama inisiatif yang akan memandu Universiti ini melalui pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

## **IMBASAN 2010**

7. Sepanjang sembilan tahun kewujudannya, UMP telah berevolusi dalam dua fasa perdana iaitu Meletakkan Asas Sebagai Sebuah Universiti Teknikal dan Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan. Proses evolusi ini dipandu secara strategik di atas landasan yang disepakati bersama. Kini, kita di ambang pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015, seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh.
  
8. Penting untuk ditegaskan di sini bahawa pengemudian Universiti ini secara strategik adalah suatu urusan yang serius untuk ditekuni oleh seluruh warga UMP. Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang telah dimuktamadkan merupakan trajektori yang akan memacu kesinambungan pertumbuhan mapan UMP.
  
9. Jika diimbaz kembali setahun yang lalu, di pentas ini juga, persoalan kesinambungan dan kelestarian ini telah saya kupas dalam konteks UMP melalui amanat saya yang bertemakan ***“Membangun Universiti Ke Arah Keunggulan Lestari.”***

10. Saya telah menyatakan bahawa membangun Universiti ini ke arah keunggulan yang lestari boleh difahami sebagai usaha berterusan untuk mencipta kecemerlangan yang berkekalan untuk UMP. Untuk itu, cara kita mengurus dan mentadbir mestilah lebih kreatif dan inovatif dengan pendekatan yang tidak bersifat konvensional atau dalam kata lain, mencabar kelaziman atau *challenging the status quo*.
11. Saya juga telah mengingatkan bahawa pendekatan pengurusan untuk keunggulan lestari menghendaki kita mengendalikan Universiti ini sebagai organisme yang hidup yang memerlukan belaian yang cukup dari segi kesihatan fizikal dan rohani serta pengisian yang menyokong pertumbuhannya.
12. Berpaksikan kesedaran tersebut, maka kita mengorak langkah seawal November 2008 lagi untuk mentransformasi cara Universiti ini dioperasikan supaya lebih memudahcara para warga kerja, mahasiswa, pelanggan dan pemegang taruh kita, tanpa mengkompromi soal ketelusan, akauntibiliti dan urus tadbir yang baik.

13. Lonjakan transformasi perlu dilakukan kerana faktor ini mempengaruhi persepsi dan penilaian mereka yang berurusan dengan kita, dan lebih penting lagi, menentukan merit pencapaian Universiti ini.

**MENGEMUDI UNIVERSITI MENDEPANI CABARAN 2011 – MEMBINA  
BUDAYA DAN PASUKAN BERPRESTASI TINGGI**

14. Saudara dan saudari sekalian,

Tahun 2011 merupakan kesinambungan kepada usaha-usaha yang telah kita pasakkan sebelum ini. Warga kerja UMP hendaklah menyedari bahawa sebagai sebuah universiti, kita merupakan penggerak utama dalam sektor yang paling kritikal bagi menjayakan transformasi negara, khususnya dalam membangunkan modal insan yang berkemahiran dan berkualiti tinggi.

15. Untuk mengemudi Universiti ini mendepani cabaran 2011, kita bukan sahaja mahu sebuah pasukan yang pro-aktif bertindak, malah memiliki kelasakan yang dinatijahkan oleh budaya berprestasi tinggi atau *high performance culture*.

16. Kita sama sekali tidak mahu terperangkap dalam keadaan di mana keberkesanan perencanaan direncatkan oleh prestasi pelaksanaan yang lembap akibat kegagalan bertindak secara terarah untuk mencapai sasaran.
17. Pokok pangkalnya di sini ialah barisan kepimpinan. Para pengurus yang menduduki barisan kepimpinan hendaklah tahu peranan mereka. Peranan kepimpinan ini perlu dilunaskan dengan suci hati (*in good faith*), tanpa melibatkan kepentingan peribadi atau kumpulan yang berlawanan dengan hasrat dan kepentingan organisasi.
18. Sebuah organisasi yang dipacu oleh budaya berprestasi tinggi berupaya menginspirasikan warganya untuk maju setapak ke hadapan untuk membuat dan melaksana keputusan yang bijaksana walaupun tidak dihiraukan kelompok lain yang lebih besar.
19. Organisasi yang berprestasi tinggi mengiktiraf keunikan warganya yang pelbagai, namun kepelbagaian tersebut mengupayakan persamaan sikap yang membentuk keperibadian organisasi tersebut.



20. Justeru, untuk mempunyai budaya berprestasi tinggi, warga kerja UMP haruslah berupaya menekuni paradigma berikut:

- i. Melihat gerak kerja dan tugas sebagai siri atau rangkaian proses kerja;
- ii. Mengupaya (*empower*) staf yang terbabit langsung dengan sesuatu tanggungjawab atau kerja dengan kuasa (*authority*) untuk membuat keputusan berkaitan tanggungjawab tersebut;
- iii. Menjajarkan warga kerja dengan sasaran, matlamat dan keutamaan organisasi kita;
- iv. Meyakini bahawa setiap individu adalah 'baik' dan ingin melakukan tugas dengan baik atau dalam kata lain *berbaik sangka*;
- v. Melakukan penambahbaikan berterusan terhadap perkhidmatan dan proses kerja bagi memudahcara urusan;

- vi. Melazimkan pengaplikasian wahana penambahbaikan kualiti; dan
  - vii. Mengiktiraf kesalingbergantungan (*interdependency*) dalam kalangan warga dan fungsi organisasi yang memerlukan pendekatan berpasukan (*team approach*) untuk bekerja dan menyelesaikan masalah.
21. Justeru, warga UMP di semua peringkat haruslah bersedia untuk mengurus perubahan dan pada masa yang sama menerima impak daripada perubahan yang dijana tersebut.
22. Beberapa ketika yang lalu, saya pernah menegaskan bahawa zaman di mana "*idea of authority*" sudah tidak relevan lagi. Kepelbagaian bakat, kemahiran dan kepakaran yang ada pada warga UMP hari ini menuntut penghijrahan daripada "*idea of authority*" kepada "*authority of idea.*"

24. Semoga jangan ada dalam kalangan kita yang masih diulit mimpi lena dan berbudaya entitlement semata-mata kerana jawatan kita. Kita berada di dalam era *thought leadership* yang mana kewibawaan dan penghormatan adalah diperolehi (*earned*) bukan boleh dituntut semata-mata (*demand*)
25. Justeru, mulai tahun 2011 ini, UMP akan mula memberi penekanan kepada pengurusan bakat secara strategik bagi membentuk sebuah pasukan kerja yang berprestasi tinggi.
26. Pengambilan staf baharu akan ditentukan berdasarkan *profiling* bagi memastikan bahawa *we hire the right person to do the job right*. Pada masa yang sama, potensi dalam kalangan bakat-bakat sedia ada akan dikenal pasti mengikut merit dan kekuatan masing-masing untuk dicanai sebagai pelapis kepimpinan Universiti ini pada masa hadapan.
27. *Profiling* yang saya nyatakan tadi akan disandarkan kepada *Psychometric Personality Profile* yang mengambil kira Model Lima Faktor. Kelima-lima faktor tersebut secara ringkasnya disebut sebagai PEAKS iaitu *Purpose, Energy, Affirmation, Knowledge* dan *Sustainability*.

28. Strategi ini akan diterjemahkan dalam inisiatif-inisiatif utama berkaitan pengurusan sumber manusia mulai tahun 2011. Ini mencakupi proses perancangan tenaga kerja, menarik bakat yang berpotensi, pemilihan dan pelantikan, serta membangunkan bakat tersebut secara lestari.

**MENGEMUDI UNIVERSITI MENDEPANI CABARAN 2011 –  
MENYUBURKAN INOVASI**

29. Saudara dan saudari,

Budaya prestasi tinggi yang saya kupas tadi tidak mempunyai sebarang makna tanpa inovasi yang subur. Kedua-duanya perlu seiring.

30. Sebagai sebuah Universiti, inovasi merupakan sebahagian daripada iklim dan budaya kita. Kita bukanlah sebuah piramid yang pegun dan kaku. Inovasi adalah faktor yang menadikan transformasi dan evolusi sesebuah universiti.

31. Saya pernah menyebut bahawa inovasi dalam bentuk *soft technology* seperti pengwujudan persekitaran kerja berkualiti melalui Amalan 5S mampu memberi impak kepada iklim prestasi organisasi, walaupun sisi ini dipandang mudah oleh segelintir individu.
32. Saya juga selalu mengingatkan bahawa kita perlu memberi perhatian kepada pengisian berbanding bentuk atau *substance over form*. Pengisian bermaksud cara kita melakukan sesuatu perkara. Dari semasa ke semasa, penambahbaikan perlu dibuat. Bagaimanakah penambahbaikan tersebut dapat direalisasikan? Semuanya terletak pada inovasi.
33. Inovasi hanya akan dapat dimaknakan dengan minda kreatif yang tidak stereotaip. Bagaimanakah mungkin inovasi dapat diharapkan dari mereka yang culas malah enggan untuk berubah. Dalam kerangka *authority of idea* yang saya nyatakan di awal ucapan ini tadi, tiada dalam kalangan kita yang sepatutnya berasa terancam dengan pembaharuan dan inovasi dalam perkhidmatan.

34. Inovasi dapat disuburkan sekiranya wujud suasana kebebasan berfikir dan pengiktirafan terhadap idea. Sesuatu idea yang bernas boleh sahaja mencambahkan idea-idea lain yang lebih baik.
  
35. Maka, dalam perimeter intelektualisme sebuah institusi ilmu kita di UMP haruslah sentiasa meraikan atau *receptive* terhadap sumbangsaran konstruktif yang menambah nilai kepada penyuburan inovasi, apatah lagi jika idea tersebut memberi impak positif kepada kesejahteraan warga kerja dan mahasiswa Universiti ini.
  
37. Justeru, kejayaan dan keberhasilan organisasi yang kita dukungi ini seharusnya tidak lagi dinilai secara tradisional berdasarkan kepada program yang berjalan secara rutin. Dalam konteks daya saing hari ini, ukuran kejayaan kita perlu dipaksikan kepada takat keupayaan UMP untuk menjana perubahan, idea serta program baharu yang memaknakan strategi semasa Universiti.

38. Walaubagaimanapun, keghairahan atau *passion* kita untuk berinovasi dan menjana pembaharuan perlulah berdiri di atas panduan nilai integriti dan etika. Nilai-nilai integriti yang longgar dalam kalangan warga sesebuah organisasi tidak akan memberi apa-apa manfaat kepada pembudayaan kreativiti dan inovasi.
39. Sesungguhnya, usaha berterusan bagi mengemudi Universiti ini untuk berada pada landasan yang sepatutnya bukanlah satu tugas enteng dan remeh. Hadir bersama-samanya adalah cabaran – khususnya menangani gelagat organisasi dan mendepani ragam individu dalam organisasi tersebut.
40. Oleh sebab itu, unsur “suci hati” atau ***good faith*** adalah pra-syarat utama kepada setiap peribadi yang mendukung Universiti ini. Kita boleh berbicara panjang lebar mengenai inovasi, perubahan dan transformasi, namun segalanya berbalik kepada soal hati, penghijrahan minda, persepsi dan perspektif.

## PELAN STRATEGIK UMP 2011-2015

41. Saudara dan saudari sekalian,

Dalam tahun 2009, melalui ucapan tahun baru saya, pentadbiran ini telah merakamkan komitmennya untuk memaknakan ungkapan kejuruteraan, teknologi dan kreativiti.

42. Justeru, dari segi strateginya, UMP amat terfokus kepada urusan terasnya (*core business*) iaitu bidang kejuruteraan. Komitmen ini diperlihatkan apabila UMP berinovasi dengan merekabentuk program kejuruteraan yang berorientasikan jurutera praktikal atau *practical engineer* melalui kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Science, Jerman.

43. Kita juga telah menerima hakikat yang teknologi merupakan pelengkap kepada ide kejuruteraan yang tinggi dan canggih. Bukan sahaja melalui teknologi hasil kejuruteraan dapat dinikmati, malah penyediaan tenaga mahir untuk penggunaan teknologi tinggi juga perlu disediakan.



44. Justeru, di dalam persetujuan terkini di antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan keempat-empat buah universiti teknikal di Malaysia, termasuk UMP, universiti ini akan memberi penekanan kepada program-program teknologi kejuruteraan bagi menentukan struktur tenaga mahir manusia negara lebih tersusun menurut permintaan pembangunan perindustrian kita.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

45. Melalui permuafakatan dan persepakatan, pihak pengurusan UMP secara kolektif telah menziarahi semula visi dan misi universiti sebelum objektif untuk tempoh 2011 hingga 2015 ditetapkan.

46. Satu kaedah yang berteraskan *engagement* telah dilakukan untuk menentukan strategi yang digubal mendapat penerimaan dan kefahaman yang selebar mungkin daripada warga UMP.

47. **Visi:** *To be a world-class technological university*  
(Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia)

48. **Misi:** *We provide quality education, research and services in engineering and technology in a culture of creativity and innovation.*

(Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan, dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi).

49. Secara keseluruhan, 2011-2015 adalah fasa di mana warga UMP bertekad untuk menjadikan UMP sebagai **Sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama**. Maka inilah hasil (*outcome*) menyeluruh Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang dihasratkan.
50. Sekali gus, ini merupakan satu komitmen yang tidak boleh dilihat enteng atau diambil ringan. Ingatlah, menyediakan dokumen untuk digunakan selama lima tahun tidak boleh dilakukan sekadar untuk melepaskan batuk di tangga semasa kita masih berada di sini.
51. Sama ada kita akan berada di sini dalam tahun 2015 dan dapat menyaksikan hasilnya, atau tidak, tugas untuk membangunkan satu pelan yang bernas adalah tanggungjawab yang harus dipikul oleh kepemimpinan semasa yang ada pada hari ini.

*Defining and explaining what the goal is, sharing a path to achieving it, motivating people to take the journey with you, and assisting them by removing obstacles – those are management's reasons for being (Gary Convis, Managing Officer of Toyota and President, Toyota Motor Manufacturing, Kentucky in The Toyota Way).*

52. Untuk menentukan UMP adalah universiti pilihan utama, EMPAT objektif yang spesifik telah ditetapkan.
- i. *To produce outstanding graduates by providing competitive engineering and technological programmes.*  
(Melahirkan graduan yang berketrampilan melalui penawaran proram kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.)
  - ii. *To spearhead cutting edge, industry-relevant research initiatives.*  
(Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.)

iii. *To be a leading service provider to industries and community based on our niche and areas of expertise.*

(Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan tujahan dan bidang kepakaran.)

iv. *To be recognized as an institution for excellent management and work culture.*

(Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.)

53. Jika dilihat sepintas lalu, setiap objektif tersebut mempunyai maksud yang agak jelas. Namun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengupas setiap satu darinya supaya hasrat dan semangat objektif tersebut dapat dihayati dan difahami.

54. Saya amat percaya dan berpegang kepada kaedah membayangkan sesuatu yang hendak dicapai dengan seberapa jelas di dalam minda. Maka marilah kita sama-sama bayangkan.  
*Let us all imagine and visualise the outcome of the above objectives.*

**OBJEKTIF PERTAMA:**

**TO PRODUCE PROFICIENT GRADUATES**

**MENGELUARKAN GRADUAN YANG BERKETRAMPILAN DAN UNGGUL**

55. Saudara dan saudari sekalian,

Graduan yang unggul mungkin tidak begitu mudah diukur sebaik sahaja seseorang itu bergraduat. Namun begitu pepatah bahasa Inggeris ada mengatakan “we know it when we see one”. Maka UMP tiada pilihan tetapi menentukan profil graduannya mempunyai nilai yang luar biasa.

56. Luar biasa dari segi pengetahuan, luar biasa dari kemahiran dan luar biasa dari segi sikap dan pandangan/paradigma. Untuk melahirkan graduan yang luar biasa ini kita harus mengenalpasti apa itu yang biasa.

57. Justeru, apa yang perlu dilakukan hari ini untuk melahirkan graduan luar biasa esok kita harus melakukan lain yang biasa dilakukan oleh orang lain. Albert Einstein pernah berkata bahawa mana mungkin kita boleh melakukan perkara yang sama untuk mengharapkan hasil yang berlainan. Peranan strategi ialah untuk menentukan yang hasrat ini dicapai.
58. Berkait rapat dengan graduan yang berketrampilan dan unggul ialah program yang diikuti oleh mereka. Kehebatan program yang ditawarkan di UMP menjadikannya amat kompetitif. Justeru, program tersebut hendaklah berupaya mencabar minda, kemampuan dan kesungguhan pelajar.
59. Program-program ini mengandungi elemen yang mencerminkan misi UMP. Program kita akan mempunyai hasil atau *outcome* berorientasikan keperluan industri tanpa mengorbankan pengetahuan dan kefahaman teori yang mendalam.

60. Melalui penandaan aras dan kerjasama pintar, UMP telah mula mengadakan program kejuruteraan melalui kerja sama dengan universiti luar negara. Program kejuruteraan lain seperti automotif dan beberapa program teknologi kejuruteraan juga akan ditandaras dan menggunakan model-model bertaraf dunia.
  
61. Jaringan industri akan mendapat tumpuan khas di dalam pelaksanaan program kita. Dalam hubungan ini, adalah menjadi tanggungjawab Dekan-dekan Fakulti untuk menentukan bahawa fakulti masing-masing mempunyai hubungan dan akses kepada industri pada tahap yang intim dan profesional.
  
62. Kerjasama kita dengan *Malaysian Automotive Institute* telah pun berjalan untuk Program Perantisan Siswazah (*Graduate Apprenticeship Program*) di mana pelajar-pelajar kejuruteraan automotif kita didedahkan dengan keperluan industri sambil mengambil sesuatu kursus.

**OBJEKTIF KEDUA:**

**TO SPEARHEAD CUTTING EDGE, INDUSTRY-RELEVANT**

**RESEARCH INITIATIVES**

**(MENERAJUI INISIATIF TERKINI DALAM BIDANG PENYELIDIKAN  
YANG BERKAITAN DENGAN INDUSTRI)**

63. Saudara dan saudari sekalian,

Menjadi universiti pilihan pertama juga merujuk kepada keupayaan kita untuk mendahului penyelidikan yang dapat dimanfaatkan secepat mungkin, khususnya oleh pihak industri.

64. Hasil penyelidikan di UMP dan penerbitannya menyumbang terus kepada perkembangan ilmu gunaan di dalam bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan. Saya membayangkan bahawa pelajar-pelajar siswazah dan pensyarah kita terlibat dalam penyelidikan bersama dengan pihak industri untuk penambahbaikan nilai – produk, perkhidmatan dan proses.



**OBJEKTIF KETIGA:**

**TO BE A LEADING SERVICE PROVIDER TO INDUSTRIES AND COMMUNITY BASED ON OUR NICHE AND AREAS OF EXPERTISE (MENJADI PENERAJU DALAM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPADA INDUSTRI DAN MASYARAKAT BERDASARKAN TUJAHAN DAN BIDANG KEPAKARAN)**

65. Berasaskan pengetahuan mendalam dan kemahiran tinggi yang terdapat di dalam UMP, kita harus menjadi tempat rujukan utama oleh industri mahupun masyarakat. Masalah industri dirujuk kepada kita untuk penyelesaian. Ujian-ujian rutin mahupun yang termaju dari semasa ke semasa seharusnya dibawa ke perhatian para penyelidik kita yang relevan dengan bidang tujuhan UMP.

**OBJEKTIF KEEMPAT:**

**TO BE RECOGNIZED AS AN INSTITUTION FOR EXCELLENT MANAGEMENT AND WORK CULTURE (DIIKTIRAF SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI YANG MENGAMALKAN PENGURUSAN DAN BUDAYA KERJA CEMERLANG)**

66. Dalam sejarah organisasi, terdapat beberapa institusi, perniagaan mahupun yang bukan mencari keuntungan, yang amat dikenali dengan keunggulan budaya, gaya kerja, dasar, mahupun inovasi dalam penawaran nilai.
  
67. Objektif keempat ini bertujuan meletakkan UMP antara organisasi yang menawarkan pengalaman luar biasa kepada warganya mahupun pihak luar yang berurusan dengannya. Organisasi yang mencapai status seperti ini sering dikagumi dan menjadi sasaran bakal pelajar, pekerja, pembekal dan sesiapa juga yang ada kepentingan untuk berurusan dengan kita.
  
68. Saudara dan saudari sekalian,

Saya berkeyakinan bahawa pencapaian keempat-empat objektif di atas mampu merealisasikan hasil induk kita untuk menjadikan UMP sebagai sebuah universiti pilihan utama.

## **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI**

69. Dengan pencetusan 4 objektif tersebut, maka ruang lingkup tertentu harus dikenalpasti untuk menentukan yang usaha yang relevan dihasilkan supaya objektif-objektif di atas dapat dicapai.
70. Umpamanya, objektif pertama untuk melahirkan graduan yang berketrampilan lagi unggul melalui penawaran proram pengajian kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif memerlukan beberapa aktiviti yang relevan dan hasil yang jelas.
71. Pastinya, antrara keperluan utama dalam konteks ini ialah program yang kukuh, tenaga pengajar yang berwibawa, pemilihan pelajar yang sesuai, prasarana dan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
72. Begitu juga dengan tiga lagi objektif yang memerlukan beberapa hasil dan pencapaian aktiviti tertentu. Maka ruang lingkup tersebut kita sebut sebagai *University Key Results Area (UKRA)* atau Bidang Keberhasilan Utama Universiti. Setelah dibengkelkan dengan sedalam-dalamnya, empat UKRA dapat dikenalpasti iaitu:

i. *Enhancement of Academic Quality*

(Peningkatan Kualiti Akademik)

Ditakrifkan sebagai keupayaan untuk mencapai satu tahap piawai atau standard akademik yang memenuhi atau melayakkan UMP menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia melalui program akademik yang berkualiti, staf akademik yang berwibawa, perlengkapan fizikal yang baik, dan pengambilan pelajar yang terpilih.

ii. *Financial Sustainability*

(Kesinambungan Kewangan)

Merujuk kepada organisasi yang mampu menguruskan pembangunan dan masalah kewangan yang tidak diduga pada masa mendatang tanpa perlu melakukan pengubahsuaian yang drastik dalam perbelanjaan dan pendapatan.

iii. *Socio Economic Development*

(Pembangunan Sosio-ekonomi)

Merujuk kepada sumbangan UMP kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara dengan melahirkan individu dan professional unggul yang bersesuaian dengan keperluan

guna tenaga negara, di samping menyediakan infrastruktur ilmu yang relevan dan peluang pembelajaran kepada masyarakat umum.

iv. *Branding for Strategic Positioning*

(Penjenamaan Untuk Kedudukan Strategik)

Penjenamaan adalah usaha untuk membolehkan pihak luar mengenali pasti UMP dan dapat pula membezakannya dengan universiti lain. Penjajaran adalah usaha untuk mewujudkan imej dan identiti UMP di dalam minda pemegang taruh dari segi penawaran produk dan perkhidmatannya seperti program akademik/eksekutif, penyelidikan, perundingan dan pembelajaran sepanjang hayat.

73. Pelaksanaan strategi melalui UKRA menuntut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dibangunkan. Hasil bengkel yang telah dijalankan, KPI-KPI bagi setiap UKRA telah dibangunkan yang perlu diukur dan dipantau supaya objektif Pelan Strategik UMP 2011-2015 tercapai.

## **FENOMENA KRITIKAL PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK UMP**

74. Saudara dan saudari sekalian,

Dengan tersedianya perincian Pelan Strategik UMP 2011 – 2015, cabaran yang menanti ialah pelaksanaannya atau *execution*. Maka di sini saya ingin mengutarakan bahawa pelaksanaan pelan strategi lima tahun ini mempunyai tiga fenomena kritikal yang menentukan kejayaannya.

75. Pertama, satu TRANSFORMASI (*Transformation*) perlu dilakukan;  
Kedua, kita akan melalui satu proses MIGRASI (*Migration*);  
Ketiga, kita akan meletakkan PENJAJARAN (*positioning*).

### **TRANSFORMASI**

76. Untuk menjadi sebuah universiti pilihan utama, UMP itu sendiri harus berubah menjadi sebuah organisasi lain daripada yang hari ini. Mentransformasi atau *transforming* bukanlah satu perkara baru di UMP.

77. Pada bulan November 2008, kita telah melakukan satu perubahan dalam cara kita mengurus dan mentadbir UMP melalui satu proses transformasi. 172 tujuh perkara telah kita persetujui untuk ditambah baik menurut perkadaran masa yang telah diskalakan berdasarkan keutamaan.
78. Walaupun tidak semua isu tersebut dapat dibereskan atas sebab-sebab tertentu, kita masih memantau perkembangan tindakan penyelesaiannya. Saya percaya proses sistem penyampaian di UMP pada hari ini agak lebih memudahcara berbanding sebelumnya.
79. Transformasi yang kita harus lakukan lagi dalam konteks Pelan Strategik bukan sahaja memerlukan semua yang kita mulakan itu dibereskan atau diubahsuai, tetapi ia memerlukan komitmen, idea dan inisiatif baru.
80. Dalam lima tahun ini secara sedar dan sengaja UMP akan melalui lapan fasa proses untuk mentransformasinya menjadi Universiti Pilihan Utama:

- i. Pertama, hari ini kita harus akui dan merasakan Satu Kesegeraan atau keadaan yang mustahak (*Sense of Urgency*);
- ii. Kedua, mewujudkan satu Gagasan Pemandu (*Guiding Coalition*);
- iii. Ketiga, membangunkan Visi Untuk Perubahan (*Vision for Change*);
- iv. Keempat, menyampaikan Visi Perubahan (*Communicating the Change Vision*);
- v. Menghapus halangan (*Remove obstacles*);
- vi. Keenam, menjana pencapaian-pencapaian dalam masa terdekat/jangka pendek (*Generating quick wins*);



- vii. Ketujuh, memperkuat pencapaian (supaya ia berulang) (*Consolidating gains*); dan
  
- viii. Kelapan, paksikan pendekatan baru kepada budaya (membudayakan perkara-perkara baru) (*Anchoring new approaches in the culture*).

## **MIGRASI - THE GREAT MIGRATION**

81. Saudara dan saudari sekalian,

Paling mudah perkataan migrasi adalah berkaitan dengan perpindahan, yang melibatkan peralihan tempat atau lokasi yang lebih sesuai.

Sering kali perkataan migrasi digunakan apabila kita berubah dari satu kaedah (khususnya sistem) kepada kaedah yang baru.

82. Umpamanya, dunia telah melihat bagaimana proses berlaku di dalam banyak piawaian profesional daripada piawai tempatan (nasional) kepada piawaian yang diharmonikan (antarabangsa) dengan yang lain dan kemudian migrasi berlaku di mana dalam bentuk *convergent*. Ini semua berlaku kerana keadaan semasa tidak lagi sesuai untuk kita berdiri di tempat yang sama atau menggunakan kaedah yang lama.
83. Penghijrahan di dalam agama Islam juga telah mengajar kita pentingnya pengorbanan untuk meninggalkan apa yang selesa buat masa ini kepada yang mungkin kurang menentu perjalanannya tetapi menjanjikan kesejahteraan akhir yang mapan.
84. Justeru, masa yang mengisi ruang antara tahun 2011 hingga 2015 perlu menggerakkan migrasi atau penghijrahan dalam banyak perkara. Tentu sekali, senario ini memerlukan pengorbanan. Penghijrahan (intangible) yang paling ketara adalah seperti:
- i. Mentaliti -- anjakan paradigma
  - ii. What's in it for me (apa ada untuk saya)

- iii. Pampasan
- iv. Balasan
- v. Short-term gain

85. Apa yang akan kita lalui sepanjang 2011 hingga 2015 boleh dianggap sebagai satu migrasi warga UMP dari satu tempat ke satu tempat yang lebih menjanjikan keistimewaan – kalau tuan-tuan dan puan bertanya kepada saya apa keistimewaan itu, pada saya itu adalah kita sebahagian dari warga institusi yang menjadi pilihan utama.
86. Kita mempunyai satu reputasi yang luar biasa. Kita adalah sebuah organisasi yang diidami oleh pelajar, tenaga pengajar, penyelidik, penjawat awam dan swasta lain dan sesiapa saja yang melihat nilai apabila menjadi sebahagian daripada kita.

87. Apabila berbicara tentang migrasi, saya terpanggil untuk merujuk kepada fenomena *The Great Migration* dalam kalangan haiwan sebagaimana yang dilaporkan dalam *The National Geography* baru-baru in. Kenapa dan apa sebenarnya berlaku di dalam sesuatu *great migration*?
88. *Animal migration is a phenomenon far grander and more patterned than animal movement. It represents collective travel with long-deffered rewards. It suggests premeditation ... and wilfulness... Five characteristics that apply..... to all migrations. They are prolonged movements that carry animals outside familiar habitats; they tend to be linear, not zigzag; they involve special behaviours of preparation (such as overfeeding) and arrival; they demand special allocations of energy. And one more: Migrating animals maintain a fervid attentiveness to the greater mission, which keeps them undistracted by temptations and undeterred by challenges that would turn other animals aside.*

89. Contohnya, satu spesies burung *tern* di Artik dalam perjalanan dari Tierra del Fuego ke Alaska, tidak akan mempedulikan habuan ikan herring yang terdapat di dalam kapal-kapal di Monterey Bay. Sedangkan dalam keadaan yang lumayan itu, burung *sea gull* tempatan biasa tentu telah dengan lahapnya menjunam ke bawah untuk menyambar habuan tersebut. Tetapi burung *tern* Artik itu akan meneruskan saja perjalanannya ke Alaska.
90. Kenapa fenomena unik ini berlaku? Mengikut kajian ahli biologi, haiwan yang sedang bermigrasi tidak memberi respon kepada perkara-perkara yang dalam keadaan biasa akan membawa kepada respon. Dengan perkataan lain, burung *tern* itu *resist distraction* kerana ianya dipandu oleh naluri atau *instinct* untuk mencapai apa yang boleh disebut dalam kalangan insan sebagai *the larger purpose*.
90. *The artic tern senses that it can eat later. It can rest later. It can mate later. Right now its implacable focus is the journey: its undivided intent is arrival. Reaching some gravelly coastline in the Arctic, upon which other arctic tern have converged, will serve its*

*larger purpose, as shaped by evolutions: finding a place, a time, and a set of circumstances in which it can successfully hatch and rear offsprings.*

92. Apa yang berlaku kepada kelompok burung tersebut boleh kita ambil iktibar. Kita di UMP boleh dilihat sebagai satu komuniti yang mahu berhijrah beramai-ramai ke satu tempat dan keadaan yang berlainan daripada hari ini.

93. *The UMPians are migrating from ORDINARY TO GOOD, GOOD to GREAT, migrating from GREAT to OUTSTANDING and we are migrating from OUSTANDING to EXCEPTIONAL.*

94. Maka, dari apa yang dapat dipelajari daripada fenomena penghijrahan burung di Artik tadi:

**Penghijrahan UMP melibatkan satu proses agak panjang untuk membawa kita keluar dari keadaan yang lazim (*outside familiar habitats*).**

95. Pergerakan yang linear boleh diumpamakan yang kita akan bergerak serentak dan bukan *zigzag* atau ada pihak yang ingin melencong dan diganggu dengan agenda lain dari apa yang telah dihasratkan oleh UMP.
  
96. Untuk memaknakan migrasi ini, satu gelagat atau perlakuan dan persediaan khas (*special behaviours and preparations*) amat diperlukan. Migrasi ini turut memerlukan peruntukan tenaga – iaitu apa yang boleh dianggap sebagai komitmen mental dan fizikal dan juga komitmen universiti untuk menyediakan sumber yang sewajarnya.
  
97. Sampainya kita ke destinasi ini adalah dengan merujuk pada sejauh mana kedudukan kita pada tahun 2015 - sama ada empat objektif yang disasarkan tersebut telah dicapai atau sebaliknya.

## **PENJAJARAN UMP (POSITIONING OF UMP)**

98. Saudara dan saudara sekalian,

Pengajian tinggi dalam zaman ini berhadapan dengan persaingan. Semestinya persaingan yang sihat berlaku berasaskan kualiti pendidikan. Namun demikian, persaingan juga berlaku berasaskan aspek-aspek lain seperti, harga, keindahan luaran, fllleksibiliti, mesra pelanggan dan sebagainya.

99. Walau apapun yang ditawarkan oleh sesebuah IPT, saya percaya ada segmen pasaran (masyarakat) yang akan tertarik dengan penawaran itu. Umpamanya, semestinya ada satu segmen masyarakat pelajar yang tertarik dengan penekanan kepada kemahiran dan kemesraan pelajar yang ditawarkan serta keindahan kampus yang disajikan.

100. Setiap institusi pendidikan tinggi mendapat tempat di minda masyarakat yang mengenali atau yang mempunyai kepentingan dengan institusi berkenaaan. Inilah yang dikatakan sebagai penjajaran produk atau *product positioning* yang mana seseorang



akan membuat tanggapan mengenai sesebuah universiti berbanding dengan universiti lain.

101. Tanggapan masyarakat tentang universiti akan mewujudkan imej universiti berkenaan, sama ada positif atau negatif. Kalau di Amerika Syarikat misalnya, banyak universiti yang terkenal seperti Harvard, Yale atau Stanford mendapat imej yang baik kerana reputasi pendidikan dan sumbangan terhadap negara dan sejabat.
102. Bagi UMP, kita akan secara jelas, sedar dan bersengaja menyampaikan kepada masyarakat dalam negara mahupun luar negara mengenai bentuk perspektif dan persepsi mereka terhadap kita. Tentu sekali kita mahukan perspektif dan persepsi tersebut sejajar dengan apa yang kita hasratkan.
103. Justeru, penjajaran adalah satu usaha untuk menentukan persepsi, imej dan identiti pihak luar terhadap kita. Pihak luar di sini bermaksud, sasaran pemegang taruh kita seperti pelajar, pihak industri, penganjur dan sesiapa juga yang ada kepentingan kepada kita.

104. UMP juga perlu bermula untuk menilai tentang penjajaran atau kedudukan UMP di kaca mata dan minda pihak-pihak berkepentingan seperti para pelajar, ibu bapa, industri, kerajaan, komuniti antarabangsa dan masyarakat umumnya.
105. Sekiranya UMP dapat membentuk identiti yang baik berdasarkan perkhidmatan yang diberikan dari segi pengajaran, penyelidikan, perundingan dan budaya kerja cemerlang, kita mampu meletakkan UMP dalam imej yang baik pada kaca mata para pemegang taruh atau *stakeholders* yang terbabit. Untuk itu, strategi penjajaran UMP perlu difokuskan kepada segmen-segmen yang telah disebutkan.
106. Penjajaran UMP bukan sahaja bertujuan membentuk imej yang baik; ia juga bermaksud memberi kelebihan daya saing atau *competitive advantage* UMP berbanding dengan universiti-universiti lain, baik di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

107. Penjajaran kompetitif ini memerlukan UMP mewujudkan kelainan dan keunikan berbanding universiti-universiti lain yang menawarkan program kejuruteraan dari segi program akademik, penyelidikan, perundingan dan penerbitan.
108. Penjajaran adalah gabungan persepsi pasaran terhadap UMP, produk dan perkhidmatan UMP berbanding persepsi mereka terhadap pesaing-pesaing kita yang di dalam kategori yang sama. Persepsi ini akan wujud sama ada kita secara proaktif membangun dan mengurusnya, atau kita reaktif atau pasif terus. Yang pasti sesebuah organisasi itu mampu mempengaruhi persepsi ini melalui tindakan strategik secara jelas.
109. Bagi memperoleh kesan dan kepercayaan yang baik dari masyarakat, usaha yang perlu dilakukan bukanlah perkara yang mudah. Namun begitu, UMP perlu bermula dari sekarang untuk proses penjenamaannya demi membentuk imej yang baik bagi meletakkannya pada kedudukan yang kompetitif ke arah visi *Menjadi Universiti Teknologi Bertaraf Dunia*.

## **HARAPAN DAN KATA PENUTUP**

110. Saudara dan saudari sekalian,

Kini, jelaslah kepada kita bahawa tahun 2011 merupakan trajektori yang akan melonjakkan kita ke tahap yang lebih tinggi selepas ini. Kita tidak punya banyak masa, lantas tempoh waktu yang masih ada ini perlu dimanfaatkan seoptimum mungkin bagi menjayakan gagasan perdana Universiti ini.

111. Oleh yang demikian, minda, tenaga dan sumber yang ada hendaklah digembleng dengan terarah, dengan rangkaian inisiatif dan tindakan yang dipaksikan kepada keutamaan atau *priorities* semasa UMP, bukan peribadi.

112. Dalam hubungan tersebut, kita semua punya kewajipan dan tanggungjawab untuk terus komited menyumbangkan perkhidmatan yang terbaik berdasarkan budaya kerja cemerlang yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi.

113. Sebelum mengakhiri perutusan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada warga kerja dari pelbagai Pusat Tanggungjawab yang telah bertungkus-lumus bekerja bagi menjayakan majlis pada hari ini.
114. Semoga Allah Ta'ala terus melimpahkan naungan peliharaan dan rahmat kesejahteraan-Nya kepada universiti kita. Kita kobarkan semangat dan kibarkan tekad untuk menjadikan 2011 sebagai garis perdana ke arah menjadikan UMP, *Universiti Teknologi Bertaraf Dunia*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*